



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Bil. 6 / 2025

### **PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI N.48 AYER KUNING, PERAK**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh Hari Penamaan Calon (HPC) **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak**, pada **12 April 2025 (Sabtu)**. Kertas penamaan calon hendaklah diserahkan dari pukul **9:00 pagi sehingga 10:00** pagi kepada Pegawai Pengurus di Pusat Penamaan Calon (PPC) di **Dewan Merdeka Tapah, Perak** oleh pihak-pihak seperti berikut:
  - a. calon, pencadang dan penyokong; atau
  - b. mana-mana dua (2) orang daripada mereka; atau
  - c. mana-mana seorang daripada mereka.

2. SPR menyarankan kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding agar mengisi borang dan membuat semakan awal dengan **Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak** sebelum HPC serta membuat pembayaran deposit lebih awal. Resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada HPC sebagai bukti pembayaran.
3. Manakala bakal-bakal calon yang mewakili mana-mana parti politik pula hendaklah mengemukakan surat kebenaran penggunaan simbol parti yang diwakili apabila membuat penyerahan Kertas Penamaan Calon.
4. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya adalah tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] dan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT). Ini termasuklah penggunaan alat muzik atau pembesar suara bagi tujuan diayah politik melalui kenderaan dan menunggu atau berada dalam jarak 50 meter dari sempadan yang ditetapkan pada HPC yang merupakan satu kesalahan di bawah Akta 5.

5. SPR menyeru kepada bakal-bakal calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, PBT dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan proses penamaan calon yang dilaksanakan dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

10 April 2025 / 11 Syawal 1446H